

NAM kini semakin relevan — Mahathir

KAHERAH 23 Jan. — Perlahan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) kini menjadi semakin relevan terutama bagi mengimbangi penguasaan Amerika Syarikat sebagai satu-satunya kuasa besar yang tinggal selepas berakhir Perang Dingin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat adalah salah untuk beranggapan bahawa NAM tidak lagi relevan hanya kerana tidak ada konflik di antara Timur dan Barat.

"Ia (NAM) lebih relevan sekarang kerana dunia yang didominasi oleh hanya satu kuasa sahaja cenderung untuk mengabaikan negara-negara lemah.

"Justeru negara-negara lemah perlu bersatu di bawah NAM dalam usaha untuk memperkuatkan diri dan menghadapi sebarang penindasan oleh kuasa tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk *Perpaduan Ummah Dalam Menghadapi Cabaran dan Ancaman* di Universiti Al-Azhar, Mesir, semalam.

Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM bulan depan dan Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada Oktober ini.

Dr. Mahathir memberitahu Malaysia kini sedang berusaha menghubungi sebanyak mungkin negara anggota kedua-dua organisasi antarabangsa itu untuk memastikan kehadiran pemimpin mereka.

Beliau menegaskan pandangan Malaysia bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang melingkari negara-negara Islam ialah menerusi perbincangan tentang pengukuhan ummah.

"Disebabkan itu kita menganggap Sidang Kemuncak NAM dan OIC di Kuala Lumpur ini amat penting.

"Kita perlu berbincang antara satu sama lain bagi mencari kaedah terbaik untuk melindungi umat Islam yang kini 'diserang' oleh musuh Islam," katanya.

Dr. Mahathir berkata, hanya melalui kerjasama erat sesama saudara seagama maka umat Islam dapat mempertahankan diri.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas menikmati makan malam di atas bot menyusuri Sungai Nil, Perdana Menteri memberitahu beliau telah menyampaikan undangan secara peribadi kepada Presiden Hosni Mubarak untuk menghadiri kedua-dua sidang kemuncak itu.

"Beliau beri pengakuan akan cuba (hadir), sekurang-kurangnya sehari," katanya yang menganggap kehadiran Hosni penting kerana Mesir merupakan antara negara pengasas NAM.

Selain itu, Dr. Mahathir memberitahu lawatan kerja beliau ke Mesir kali ini juga membincangkan cara untuk meningkatkan perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara yang buat masa ini memihak kepada Malaysia.

Pada 2001, jumlah dagangan Malaysia dan Mesir mencecah RM835.1 juta dengan nilai eksport sebanyak RM797.69 juta berbanding import RM37.42 juta.

Di samping itu, kata Dr. Mahathir, beliau dan Presiden Hosni Mubarak juga sempat berbincang mengenai isu antarabangsa khususnya konflik di Iraq dan Palestin. — *Utusan*